

**PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA (4)
PETALING JAYA, SELANGOR D.E.**

MINIT MESYUARAT AGUNG PIBG KALI KE-8 SESI 2009

Tarikh : 28 Februari 2009
Masa : 9.30 a.m.
Tempat : Dewan SMKBUD (4)
Kehadiran : Kehadiran guru - 54 orang
Kehadiran Ibu bapa - 109 orang
Lihat Lampiran senarai kehadiran Guru & Ibu Bapa ke Mesyuarat Agung

AGENDA	PERKARA	TINDAKAN
1	<p>1.0 Ucapan Pengetua</p> <p>1.1 Tuan pengetua, En. Tay Keng Lee, PPN, mengalu-alukan kedatangan ibubapa dan berterima kasih atas kehadiran mereka. Beliau kagum dengan kehadiran ibu bapa yang amat menggalakkan.</p> <p>1.2 Beliau mula berkhidmat di SMK BUD(4) pada 16/2/09 , secara rasminya mulai 28/2/09. Setelah sebulan di sekolah, beliau mendapati SMKBUD (4) sebuah sekolah yang baik kerana mempunyai staf sokongan, guru dan penolong kanan yang baik. Beliau memuji pasukan kerani sekolah ini yang efisien dan sanggup bertugas bersungguh-sungguh tanpa mengira masa. Tetapi disiplin pelajar perlu diperbaiki.</p> <p>1.3 Beliau berhasrat untuk meningkatkan prestasi sekolah dengan lebih baik dan yakin dapat melakukannya dengan kerjasama ibu bapa dan guru dalam semua program yang dirancang.</p> <p>1.4 Satu Program Kelas Tambahan untuk kelas lemah iaitu 3 Raya, 3 Kekwa, 5 Raya & 5 Kekwa telah dilaksanakan. Pelajar-pelajar kelas tersebut ditambah satu waktu pembelajaran iaitu pada waktu terakhir setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu.</p> <p>1.5 Program Gilapan Permata telah dirancang untuk memberi latihan intensif Bahasa Melayu kepada pelajar lemah agar prestasi SPM meningkat dari 94.6 ke 100% lulus. Program-program lain akan dimaklumkan kepada ibu bapa melalui buletin sekolah.</p> <p>1.6 Perubahan jadual waktu sekolah dan guru yang telah dijalankan adalah disebabkan oleh keadaan yang tidak dapat dielakkan. Segala perubahan yang</p>	<p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p> <p style="text-align: center;">Makluman</p>

	<p>dijalankan adalah untuk kebaikan dan kepentingan pelajar.</p> <p>1.7 Beliau pernah menyandang jawatan setiausaha PIBG SMK Seri Kembangan selama 19 tahun. Sebagai Penasihat PIBG, seorang pengetua tidak berhak meminta bendahari mengeluarkan sebarang cek. Pengeluaran cek hanya boleh dilakukan setelah mendapat kelulusan daripada PIBG.</p> <p>1.8 Beliau mendapati bahawa sekolah ini terdapat banyak kerosakan kemudahan. Misalnya dua buah makmal tidak mempunyai bekalan elektrik. Maka bantuan PIBG amat diperlukan.</p> <p>1.9 Beliau meminta cadangan baik dan kerjasama ibu bapa tetapi jangan membebankan guru-guru sekolah ini. Beliau menyakinkan ibu bapa bahawa beliau akan melakukan yang terbaik untuk menaikkan reputasi sekolah ini.</p>	<p>Makluman</p> <p>PIBG</p> <p>Makluman</p>
2	<p>2.0 Ucapan Wakil Yang DiPertua PIBG</p> <p>2.1 Wakil YDP PIBG En. Mohd Fahizul bin Khairi mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa dan guru kerana meluangkan masa untuk hadir.</p> <p>2.2 Beliau mengumumkan bahawa En. Tony Sio, YDP PIBG telah meletak jawatan secara rasmi. AJK PIBG 2008 telah menjalankan kegiatan PIBG tanpa kehadiran YDP dan Naib YDP.</p> <p>2.3 Dengan kerjasama pihak sekolah, dua sesi motivasi telah diadakan untuk pelajar PMR & SPM 2008 dan sesi-sesi tersebut telah mendapat sambutan yang positif daripada pelajar dan guru.</p> <p>2.4 Mengikut beliau, terdapat perbezaan pendapat di antara pihak pengurusan sekolah, PIBG dan ibu bapa. Hubungan baik ibu bapa dan pihak sekolah amat penting. Masalah perlu dibincang dengan berhemah dan bukan melalui blog. Sekolah perlu kondusif untuk pembelajaran dan ia merupakan tempat memupuk sikap hormat-menghormati demi keharmonian.</p> <p>2.5 Semasa mesyuarat agung PIBG tahun lepas, YDP dan Naib YDP dilantik tanpa kehadiran mereka. Sepanjang 2008, YDP hanya menghadiri mesyuarat PIBG sebanyak dua kali dan Naib YDP tidak pernah menghadiri mesyuarat. Beliau mengingatkan bahawa ibu bapa yang dilantik perlu komited dan tiada agenda yang tersembunyi.</p> <p>2.6 PIBG tidak menerima apa-apa bayaran daripada</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

	<p>syarikat billboard Meru Utama.</p> <p>2.7 Kementerian Pendidikan Malaysia meminta semua sekolah menyelaraskan perlembagaan PIBG di seluruh negara. Tahun ini, KPM akan memberi peruntukan kepada PIBG. Ini merupakan suatu usaha yang baik. Cek tidak boleh ditandatangani melalui paksaan oleh penasihat, hanya mereka yang dibenarkan oleh perlembagaan PIBG sahaja boleh menandatangani cek.</p> <p>2.8 Beliau memohon maaf atas segala kesilapan pihak PIBG 2008 yang tidak disengajakan selama menjalankan tugas.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
3	<p>3.0 Pengesahan Minit Mesyuarat Agung PIBG 2008/2009.</p> <p>3.1 Pn. Joyce mengatakan bahawa item 4.11 dalam minit mesyuarat lepas tidak lengkap. Beliau meminta agar penggunaan wang PIBG dibuat mengikut satu prosedur.</p> <p>3.2 Pn. Sherilla dan En. Fahizul mengatakan bahawa kehadiran mereka pada tahun lepas tidak dicatatkan. Perkara ini telah diambil maklum.</p> <p>3.3 En. Lai meragui kesahihan minit mesyuarat yang lepas. Beliau bertanya tentang akaun pada tahun lepas yang tidak dipersembahkan dalam bentuk yang berpatutan tetapi pertanyaan beliau tidak diminitkan dan tiada "balance sheet" dalam penyata kewangan PIBG.</p> <p>3.4 Pengetua memberitahu bahawa sebagai penasihat, beliau akan memastikan minit mesyuarat agung 2009 dan akaun tahun ini dibuat dengan tepat dan teliti. Minit mesyuarat agung 2009 akan diedarkan 30 hari selepas tarikh mesyuarat.</p> <p>3.5 Setelah mesyuarat bersetuju untuk melakukan pembetulan seperti yang tercatat di atas, Pn. Roshayati Mat Jusoh mencadangkan minit mesyuarat agung disahkan dan En. Lai menyokong.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
4	<p>4.0 Perkara-perkara berbangkit</p> <p>4.1 En. Lai meminta mengadakan minit mesyuarat agung dalam Bahasa Inggeris bermula pada Sesi 2009. Pengetua meminta sokongan dari ibu bapa. Cadangan minit mesyuarat agung diadakan dalam dua bahasa diterima oleh 74 orang ibu bapa dan tiada orang yang membantah.</p> <p>4.2 Pengetua menjawab pertanyaan Pn. May Chooi tentang masalah juruaudit yang berlainan antara</p>	<p>Makluman</p> <p>PIBG / Penasihat</p>

	<p>nama juruaudit dalam senarai AJK dengan tandatangan dan nama dalam penyata kewangan 2008. Pengetua menyatakan bahawa kesilapan telah berlaku dalam perlantikan AJK 2008 yang wujudnya pertindihan, iaitu En. Ong Che Hing memegang jawatan juruaudit ibu bapa dan pada masa yang sama merupakan wakil AJK ibu bapa. Ini tidak dibenarkan oleh perlembagaan PIBG. Untuk mengatasi masalah ini, juruaudit baru dilantik untuk mengaudit penyata kewangan 2008. Perlantikan juruaudit baru adalah mengikut prosedur perlembagaan PIBG. Di mana sebarang kekosongan AJK boleh dilantik oleh YDP.</p>	
5	<p>5.0 Pengesahan Laporan Kewangan PIBG 2008/2009</p> <p>5.1 Pn. Anne Foong mempersoalkan tentang perbelanjaan tambahan sebanyak RM 4678.23 untuk pembinaan pondok Hentian Inovasi. En. Ong menjelaskan bahawa sumbangan RM 10,000 oleh bekas pengetua Pn. Liu Ling Ling tidak mencukupi untuk pembinaan tersebut. En. Lim Hong Sim mencadangkan bahawa sekiranya perbelanjaan yang diperlukan melebihi bajet, maka projek tersebut perlu dikaji semula. En. Lim Hong Sim meminta "break down" untuk perbelanjaan Pondok Hentian Inovasi.</p> <p>5.2 Dato' Aminuddin Baki bertanya samada terdapat bil yang belum dijelaskan untuk tahun 2008 dan dari bulan Januari hingga Mac 2009. Bendahari menjawab hanya bil mesyuarat agung 2009 sahaja yang belum dijelaskan.</p> <p>5.3 En. Lai menegaskan kepentingan "balance sheet" untuk mewujudkan ketelusan akaun. Pn. Sherilla memaklumkan bahawa PIBG sebagai persatuan yang tidak bermotifkan keuntungan tidak boleh, seperti yang tertera dalam perlembagaan, menyediakan "balance sheet". Pengetua menambah bahawa tanggung jawab guru adalah mengajar dan bukan menyediakan akaun. Perlembagaan PIBG hanya memerlukan penyata kewangan menunjukkan wang masuk dan wang keluar, "balance sheet" tidak diwajibkan.</p> <p>5.4 En. Lai mempersoalkan perbelanjaan RM 2253.64 untuk jamuan makan mesyuarat agung PIBG yang lepas. Bendahari menjelaskan bahawa perbelanjaan itu adalah termasuk jamuan makan untuk ibu bapa, guru, pelajar dan VIP (Pengarah Pejabat Pelajaran Selangor) yang hadir sama pada hari tersebut.</p> <p>5.5 En. Wong Chun Wai menegaskan kepentingan AJK PIBG bekerjasama dan bukan mengungkitkan isu</p>	<p>PIBG</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

	<p>dan melengahkan perjalanan mesyuarat. Jika disyaki sebarang penyelewengan maka lebih baik kes itu diserahkan kepada MACC. Beliau mencadangkan penyata kewangan diluluskan.</p> <p>5.6 Pn. Roshayati Mat Jusoh mencadangkan penyata kewangan disahkan. En. Lim Hong Sim menyokong.</p>	Makluman
6	<p>6.0 Pembubaran AJK PIBG sesi 2008 dan perlantikan sesi 2009</p> <p>6.1 En. Mohd Fahizul mengumumkan pembubaran AJK PIBG sesi 2008/2009.</p> <p>6.2 Pemilihan AJK Baru.</p> <p>6.2.1 Setelah undian dijalankan AJK PIBG sesi 2009/2010 adalah seperti berikut:</p> <p>6.2.2 Yang DiPertua: Dato' Aminuddin Baki bin Esa</p> <p>6.2.3 Naib Yang DiPertua: En. Chan Chuck Yan</p> <p>6.2.4 Setiausaha Kehormat: Pn. Leow Hoay Suan</p> <p>6.2.5 Bendahari Kehormat: Pn. Ong Ling Ling</p> <p>6.2.6 AJK Wakil Ibu bapa:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pn. Joyce Lim 2. Pn May Chooi 3. En. Steve Yong Kong Voon 4. Pn. Sherilla Mohd Dan 5. En. Ong Che Hing 6. En. Mohd Fahizul bin Khairi <p>6.2.7 AJK Wakil Guru:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. En. Sivakumar Ramachindran 2. En. Ravindren Veloo Nair 3. Pn. Nur Suhanawati Hussain 4. Pn. Nor Azah Zulkaply 5. Pn. Tang Quai Sim <p>6.2.8 Juruaudit Wakil Ibu bapa: En. Kamarul Juruaudit Wakil Guru: Pn. Lee Siok Khim</p> <p>6.3 Mesyuarat dengan sebulat suara memutuskan bahawa YDP PIBG Dato' Aminuddin Baki Bin Esa, Setiausaha Pn. Leow Hoay Suan dan Bendahari Pn. Ong Ling Ling diberi kuasa menguruskan segala urusan akaun bank seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan PIBG.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

7	<p>7.0 Ucapan Wakil JPS</p> <p>7.1 Wakil JPS mengatakan bahawa kutipan yuran tidak akan dibuat selagi tidak diluluskan dalam mesyuarat agung PIBG dan kemudiannya diluluskan oleh JPS.</p> <p>7.2 Segala aktiviti PIBG perlu dibincang dalam mesyuarat dan mendapat persetujuan AJK PIBG.</p> <p>7.3 Sebarang masalah yang dihadapi oleh ibubapa dan guru harus cuba diselesaikan di peringkat sekolah sebelum membuat aduan di PPD. Peranan PIBG adalah untuk membantu ibu bapa dan pelajar.</p> <p>7.4 Beliau juga memberitahu bahawa KPM ada peruntukan khas untuk PIBG tahun ini.</p> <p>7.5 Beliau memohon maaf sekiranya ada apa-apa yang tidak berpuas hati.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
8	<p>8.0 Hal-hal lain.</p> <p>8.1 Pengetua meminta persetujuan daripada ibu bapa untuk memungut yuran sekolah RM 44.50 setiap pelajar. Usul tersebut diterima dengan sebulat suara.</p> <p>8.2 En. Lim Hong Sim meminta minit mesyuarat diedarkan kepada ibu bapa sebelum Hari Mesyuarat Agung.</p> <p>8.3 Seorang ibu membangkitkan isu tentang ketidakmampuan sesetengah ibu bapa untuk membayar yuran sekolah. Pengetua menjawab bahawa ibu bapa terlibat boleh memohon bantuan dari PIBG.</p> <p>8.4 Dato' Aminuddin Baki mencadangkan yuran PIBG sebanyak RM 30.00 sekeluarga. Usul tersebut diterima dengan sebulat suara.</p> <p>8.5 En. Mohd Fahizul mencadangkan PIBG mengikuti Perlembagaan PIBG yang baru iaitu Perlembagaan tahun 2004 sejajar dengan kehendak KPM. Memandangkan penggunaan perlembagaan baru perlu dikaji dahulu sebelum diterima, Dato' Aminuddin Baki mencadangkan supaya mesyuarat bersetuju agar AJK PIBG 2009 dipertanggung jawabkan dalam hal ini. Pn. Tang Quai Sim menyokong. Usul tersebut diterima dengan sebulat suara.</p> <p>8.6 En. Ong mencadangkan pengeluaran cek tidak melebihi RM 1000 tidak perlu kelulusan AJK PIBG, RM1000 – 4999.00 perlu kelulusan AJK PIBG dan RM 5000 ke atas kelulusan dari Mesyuarat Agung PIBG. Cadangan tersebut diluluskan dengan sebulat</p>	<p>Makluman</p> <p>PIBG</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>PIBG</p> <p>Makluman</p>

	suara.	
8.7	Pengetua meminta ibu bapa mencadangkan aktiviti PIBG untuk tahun 2009. Berikut adalah cadangan-cadangan yang diterima:-	
8.7.1	En. Amir Soffian Abdul Razak mencadangkan PIBG mengadakan aktiviti mengutip derma seperti Hari Kantin, Majlis Makan Malam, Tayangan Gambar Perdana dan lain-lain untuk meningkatkan dana PIBG. Cadangan tersebut diterima dengan sebulat suara.	Makluman
8.7.2	Pengetua mencadangkan PIBG memberi hadiah insentif kepada pelajar cemerlang PMR dan SPM. Jika setiap pelajar SPM 2008 yang mendapat 8A atau lebih diberi RM 10.00 per 1A dan 2 orang pelajar terbaik yang mendapat 13 1A diberi wang tunai tambahan RM 300.00. Ini dijangkakan akan memakan perbelanjaan sebanyak RM 10,000. Cadangan tersebut diterima dengan sebulat suara.	Makluman
8.7.3	Dato' Aminuddin Baki mencadang guru yang cemerlang diberi penghargaan sebagai motivasi dan pengiktirafan. Guru-guru yang memberi kelas tambahan juga dibayar. Pn. Rose menyokong. Cik Vasantha Rohini mencadangkan agar perlaksanaannya perlulah adil dengan menggunakan pendekatan yang terbaik. Mesyuarat bersetuju perkara ini dilaksanakan.	Pihak sekolah / PIBG
8.7.4	Pn. Rose mencadangkan sesi motivasi untuk pelajar tingkatan 3 & 5 akan diteruskan. Cadangan ini dipersetujui dengan sebulat suara.	Makluman
8.7.5	Dato' Aminuddin Baki mencadangkan supaya AJK PIBG dipertanggungjawabkan untuk menambah aktiviti-aktiviti PIBG demi kebaikan pelajar-pelajar dan sekolah. En Amir Soffian menyokong cadangan ini. Mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara tentang cadangan ini.	Makluman
8.8	En. Mohd Fahizul menyatakan "bill board" yang didirikan dalam kawasan sekolah boleh membahayakan pelajar. Pengetua menerangkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meluluskan Syarikat Meru Utama mendirikan bill board tersebut semasa pengetua pertama, Pn. Liu	Pihak sekolah / PIBG

	<p>Ling Ling dan kontrak kelulusan bill board tersebut adalah di antara syarikat Meru Utama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara supaya AJK PIBG 2009 dan pihak sekolah untuk membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan sewajarnya.</p>	
8.9	<p>Pengetua memberitahu bahawa waktu bermula persekolahan telah dibetulkan iaitu dari 7.35 ke 7.30 pagi.</p>	Makluman
8.10	<p>Pengetua memaklumkan bahawa kerja pembaikan kerosakan kemudahan sekolah seperti padang, tandas dan makmal sedang dijalankan.</p>	Makluman
8.11	<p>Pengetua menyatakan bahawa sekolah ini kurang menjalankan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Beliau bertekad agar perayaan semua kaum akan diadakan untuk meningkatkan perpaduan kaum.</p>	Makluman
8.12	<p>Pihak sekolah membuat sebarang pertukaran jadual waktu kelas atau guru adalah disebabkan oleh keperluan dan kepentingan pelajar. Sekolah ini masih kekurangan 8 orang guru. Pn. Elysa Thoy Yeok Peng meminta supaya dua orang guru yang akan ditukarkan dikekalkan dalam sekolah dan mengapa mereka ditukarkan jika sekolah menghadapi masalah kekurangan guru. Pengetua mengatakan bahawa pihak sekolah telah berusaha untuk mengekalkan guru-guru tersebut dan masih menunggu keputusan rayuan.</p>	Makluman
8.13	<p>Cik Vasantha Rohini mengatakan bahawa semua guru adalah guru baik dan telah dilantik oleh KPM. Guru-guru baru boleh membawa semangat baru kepada sekolah. Semua guru akan membuat yang terbaik. Walaupun guru yang baik ditukarkan, biarlah sekolah lain menerima kebaikan guru-guru tersebut. En. Steve Yong menambah bahawa peranan guru adalah untuk mendidik. Semua guru perlu bekerjasama untuk kebaikan pelajar dan sekolah.</p>	Makluman

9	<p>9.0 Ucapan penangguhan</p> <p>1.1 YDP memohon semua pihak iaitu guru-guru, ibubapa dan pelajar-pelajar serta AJK PIBG perlulah bekerjasama demi kebaikan sekolah dan pelajar-pelajar. Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas perlantikan dan sokongan yang diberikan kepada AJK PIBG 2009. Beliau menanggungkan mesyuarat pada jam 1.00 petang.</p>	Makluman
---	---	----------

----- Bahagian ini memang dikosongkan -----

Disediakan oleh:



.....

Leow Hoay Suan
Setiausaha PIBG

SMK Bandar Utama Damansara (4), P.J.

Disahkan oleh:

.....

Dato' Aminuddin Baki Bin Esa
YDP PIBG

SMK Bandar Utama Damansara (4), P.J.

SENARAI AHLI JAWATANKUASA PIBG SESI 2009

Penasihat	:	En. Tay Keng Lee, PPN
Yang DiPertua	:	Dato' Aminuddin Baki bin Esa
Naib Yang DiPertua	:	En. Chan Chuck Yan
Setiausaha Kehormat	:	Pn. Leow Hoay Suan
Bendahari Kehormat	:	Pn. Ong Ling Ling
AJK Wakil Ibu Bapa	:	1. Pn. Joyce Lim 2. Pn. May Chooi 3. En. Steve Yong Kong Voon 4. Pn. Sherilla Mohd Dan 5. En. Ong Che Hing 6. En. Mohd Fahizul bin Khairi
AJK Wakil Guru	:	1. En. Sivakumar Ramachindran 2. En. Ravindren Veloo Nair 3. Pn. Nur Suhanawati Hussain 4. Pn. Norazah Zulkaply 5. Pn. Tang Quai Sim
Juruaudit wakil ibu bapa	:	En. Kamarul Azhar
Juruaudit wakil guru	:	Pn. Lee Siok Khim

Senarai Kehadiran Guru ke Mesyuarat Agung ke-8

1. En. Tay Keng Lee, PPN	28. Pn. Loh Yok Leng
2. Pn. Lee Tsock Wah	29. Pn. Moganam Perumal
3. Pn. Zubaidah Ishak	30. En. Mohd Najed Daud
4. Pn. Aini Wardiah Adenan	31. En. Mohd Padzli Abdullah
5. Pn. Lee Siok Khim	32. Cik Norazima Ahmad
6. Pn. Norehan Muda	33. Pn. Noorazma Abu Bakar
7. Pn. Aklima Abdul Rahman	34. Pn. Norazah Zulkaply
8. En. Alex Leong Jun Wei	35. Pn. Norazalawati Atan
9. Pn. Aminah Ismail	36. Pn. Norhafizah Mohd Zahari
10. Pn. Azimah Azmi @ Che Azmi	37. Pn. Norhayati Mustapha
11. Pn. Chan Seow Chee	38. Pn. Norliza Hussin
12. Cik Chong Bee Chen	39. Pn. Ong Ling Ling
13. Cik Chong Chiu Peng	40. Pn. Premakumari Maniam
14. Pn. Faizah Ismail	41. En. Ravindren Veloo Nair
15. Pn. Gan Loh Yong	42. Cik Razmawaty Mohamaed
16. Pn. Hazura Abd Wahid	43. Pn. Rozlylawati Hj. Jurjani
17. Pn. Herdawati Hamdan	44. Pn. Sarinderjeet Kaur
18. Cik Ina Foo	45. Pn. Salin Hasan
19. Pn. Jagajothi Naidu	46. En. Sivakumar Ramachindran
20. Pn. Junaidah Md Yazid	47. Pn. Tang Quai Sim
21. Pn. Karamjit Kaur	48. Pn. Tuan Rohani Said Asim
22. Pn. Kartika Ibrahim	49. Pn. Usha Damodaran
23. Pn. Lee Wee Leng	50. Cik Nantheni Veeriah
24. Pn. Leow Hoay Suan	51. Cik Vasantha Rohini Selvadurai
25. Pn. Liao Lee Fen	52. Pn. Zaleha Halimi
26. Cik Lo Kwai Yoong	53. Pn. Zulaiha Ismail
27. En. Long Fu Soon	54. Cik Tricia Lim Su Yin

Senarai guru yang tidak hadir:

1. Pn. Bulvinder Kaur	Bersebab
2. Pn. Nur Suhanawati	Bersebab

Senarai Kehadiran Ibu Bapa Ke Mesyuarat Agung Ke-8

1. Atoi	55. Tan Pang
2. Ganice Hak	56. Mallek Rizal
3. Paulin eDorille	57. Emily Khoo
4. Chandra	58. Sylvia Chang
5. Shanthi	59. Chan Chuck Yan
6. Zerliah Sofia Mohsin	60. Ong Moi Ying
7. Sugita Rajaretnam	61. Azizah Abdullah
8. Lee Lay Yoke	62. Tang Yue Chuang
9. Pang Yoke Hui	63. Masniyati
10. Lim Choi Fong	64. Hippolyte Antony
11. Ng Mei Ling	65. Ong Che Hing
12. Yeo Soo Hong	66. Chow Lee Ching
13. Roshayati Mat Jusoh	67. Ong Seng Huat
14. Julie Gan	68. Puan Chan Keck
15. Young Yan Peng	69. Gina Lee
16. Koh Yoke Lin	70. Oh Seng Dee
17. Istikomah Ngali	71. Lee Hau Yin
18. Yap Siew Ling	72. Nor Salina Jismi
19. Yap Yoke Ling	73. Annabelle
20. Koh Yoke Mooi	74. Vivian Loh
21. Xaviour Anthony	75. Ngan Yeow Meng
22. Tok Peck Hiam	76. Dorothy Dewitt
23. Tunku Ashaharita T. Ahmad	77. Cheng Lay Hiong
24. Marina Jaafar	78. May Chooi
25. Yk Lew	79. Thoy Yeok Peng
26. Shim Lee Lee	80. Anne Fong
27. Mohd Hidzir Khamis	81. Sherilla Mohd Dan
28. Wong Sok Kin	82. Juliah Dahlan
29. Chee Yen Yin	83. Sugita Sarreswarah
30. Dr. Teo Kim Lai	84. Azizah Abdullah
31. Lim Boey Choo	85. Amir Soffian
32. Low Keng Hong	86. Savitri Rajagopal
33. Lim Hong Sim	87. Guan Ngoh Lim
34. Khaw Tien Chye	88. Choe Pike Chun
35. Susan Koh	89. Wong Chun Wai
36. Lim Lee Hong	90. Toh Guek Leng
37. Chai Siew Kuan	91. Hg Kam Hoong
38. Yap Siok May	92. Joyce Lim
39. Zaleha Zainudin	93. Chai Siew Mei
40. Lee Siew Kun	94. Goh Ai Tee
41. Joanna Koo	95. Ninsiyah Sahman
42. Sophia Chan	96. Beh Soo Hia
43. Alan Kok	97. Rahimah Hasan
44. Anuar Tan	98. Heng Fock Fong
45. Mahzum Mohamad	99. Yong Steve
46. Sue Than	100. Chan SM
47. Woon Mei Mei	101. Christine Ng
48. Liew Siew Kheng	102. Lim Lee Hong
49. Mary Piong	103. Jill Yam
50. Mohd Fahizul	104. Rose Shan
51. Adeline Ang	105. Fong Sau Lin
52. Chan Kun Song	106. Gengeswari Raja Gopal
53. Mrs Lo	107. Estee
54. Aminuddin Baki	108. Chong Mee Ying
	109. Mohd Shahreza Majid

